

SIARAN BERITA

MyCC TERIMA ADUAN ISU PEMBAHARUAN PERMIT

KUALA LUMPUR, 15 Januari 2015 –"Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menerima aduan terhadap My EG semalam daripada wakil PKR dan sedang mengkaji aduan tersebut dari aspek persaingan," kata Ketua Pengarah Eksekutif (KPE) MyCC, Dr Mohd Khalid Abdul Samad.

Sebelum ini terdapat tuduhan kemungkinan pelanggaran Akta Persaingan 2010 (AP 2010) mengenai isu pemprosesan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing oleh MyEG Services Bhd.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan kelakuan yang melanggar AP 2010 boleh menghubungi MyCC di +603-2273 2277 atau melalui e-mel di complaints@mycc.gov.my.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.